

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فيوټوټا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 30 / 2019

Kepada: Semua Penerima Basiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan

MEMUATNAIK BORANG PERMOHONAN BAGI MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT)

Sukacita menarik perhatian semua penuntut berhubung perkara tersebut di atas.

Dengan ini ingin memaklumkan dan mengingatkan kepada semua penuntut penerima Basiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang telah gagal didalam peperiksaan iaitu modul atau subjek tertentu supaya akan dapat menghadapi dengan memuatnaik borang tersebut melalui *UPP ONLINE PORTAL* masing-masing atau di emel terus kepada **Pegawai Penyelaras Akademik (ac@upp.org.uk)** jika dikehendaki menduduki peperiksaan ulangan (resit) oleh pihak universiti masing-masing.

Sila hadapkan permohonan tersebut bersama dokumen-dokumen berikut:

1. Surat permohonan peribadi kepada Pengarah Pengajian untuk memohon kebenaran menduduki peperiksaan ulangan (resit)
2. Salinan keputusan peperiksaan
3. Surat/dokumen dari universiti yang membenarkan penuntut menduduki peperiksaan ulangan (resit) sama ada;
 - a. *WITH attendance*
 - b. *WITHOUT attendance*

Segala permohonan untuk menduduki peperiksaan mengulang (resit) hendaklah dihadapkan **TIDAK LEWAT pada 15 OGOS 2019** bagi mengelakkan sebarang kelewatan elaun biasiswa bulanan.

Bersama ini disertakan pautan **BORANG PERMOHONAN BAGI MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT)**.

Akhirnya didoakan semoga semua penuntut Negara Brunei Darussalam di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland akan beroleh kejayaan didalam menimba ilmu dan sentiasa berada didalam keadaan sejahtera Inshaa Allah.

Sekian. Wassalam.

"Mensyukuri Kepimpinan Raja Yang Jalla Dan Saksama"

A handwritten signature in blue ink, appearing to read 'Ali Shafie'.

Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV
Tarikh: 26 Zul Qaedah 1440H / 29 Julai 2019